


ULASAN BUKU



Sheikh Musa Ahmad Olga
Super Parenting : Didik Anak Cara Sunnah
Johor Bahru, Johor : Pustaka Azhar, 2020.
ISBN 9789670934686

ULASAN

Setiap ibu bapa pasti berharap anak-anaknya kelak menjadi anak yang soleh, berakhhlak mulia, dan berbakti kepada kedua orang tuanya. Akan tetapi anak-anak tidak akan serta merta menjadi demikian jika tidak dibiasakan sejak awal. "Anak ibarat kain putih yang bersih, ibu bapalah yang bertanggungjawab mewarnakan dan mencorakkannya". Ungkapan ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam menentukan sikap dan peribadi anaknya di masa hadapan.

Super Parenting: Didik Anak Cara Sunnah adalah sebuah karya yang membincarkan tentang kepentingan mendidik anak mengikut sunnah Rasulullah S.A.W. Buku yang mengandungi 17 bab ini menyajikan pelbagai panduan yang sangat lengkap dan berguna kepada ibu bapa sesuai dengan cabaran mendidik anak di zaman serba moden ini. Setiap perkara yang dibincangkan disertakan dengan dalil-dalil daripada al-Quran, dikuatkan dengan hadis-hadis dan diperhalusi lagi dengan kisah-kisah para sahabat, tabiin dan ulama terdahulu.

Menariknya tentang buku ini, ia diolah dan dikupas secara kronologi oleh penulis berdasarkan fasa-fasa yang perlu dilalui oleh setiap ibu bapa dalam mendidik dan membesarkan anak-anak. Sesuai dengan temanya mendidik anak secara sunnah, bab pertama dimulakan dengan menceritakan bagaimana Rasulullah S.A.W sebagai manusia yang memiliki akhlak paling mulia melayani kanak-kanak. Kisah-kisah Rasulullah yang dipaparkan dalam bab ini dapat dijadikan contoh tauladan untuk ibu bapa dalam melayani dan mendidik anak sebaiknya.

Seterusnya, penulis memberikan perkongsian berkenaan ilmu dan asas rumah tangga yang disyariatkan dalam Islam sebagai persediaan dari segi fizikal dan mental sebelum bergelar ibu bapa. Menerusi bab dua sehingga empat, pembaca didedahkan dengan fadhilat atau kelebihan tentang ibu bapa yang kematian anak serta kelebihan bagi perempuan yang hamil dan melahirkan anak. Turut diselitkan adalah doa-doa penting dan tip pemakanan berkhasiat untuk diamalkan oleh wanita sepanjang kehamilan. Di samping itu, penulis juga berkongsi mengenai cara penguburan tali pusat, plasenta dan rambut bayi seperti mana yang telah ditetapkan oleh ajaran Islam.

Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa melakukan amalan atau sunnah yang dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W. setelah menimang cahaya mata. Perkara ini dihuraikan di dalam bab lima hingga bab lapan yang memperihalkan berkenaan kelebihan melaksanakan khatan dan akitah, ta'awidz, memotong kuku dan menyusukan anak. Pentingnya melakukan amalan-amalan tersebut adalah sebagai tanda kesyukuran di atas rezeki yang dikurniakan oleh Allah S.W.T selain memastikan anak yang dilahirkan adalah dalam keadaan bersih, sihat sejahtera dan sentiasa berada dalam pemeliharaan Allah S.W.T.

"Tiada suatu pemberian yang lebih utama dari orang tua kepada anaknya selain pendidikan yang baik." (HR. Al-Hakim). Pendidikan awal bermula dari rumah. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan anak-anak dibekalkan dengan pendidikan yang seimbang dunia dan akhirat. Bab berikutnya iaitu bab sembilan hingga dua belas memperincikan tentang pelbagai jenis

pendidikan yang harus diterapkan dalam setiap diri anak-anak. Antaranya pendidikan melalui persekitaran yang Islamik, mengenalkan kepada anak akan pentingnya akhlak dan sunah Rasulullah serta memberikan pendidikan kebersihan. Pembaca juga turut didedahkan tentang tanggungjawab menyediakan pakaian yang mematuhi syariat untuk anak-anak.

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas untuk membentuk akhlak dan peribadi anak-anak, penulis berkongsikan kisah teladan tentang kehidupan Rasulullah S.A.W., para sahabat serta orang soleh agar dapat diteladani oleh para pembaca. Terdapat lebih 10 kisah teladan yang diceritakan yang mana ianya sarat dengan iktibar untuk panduan ibu bapa dalam mendidik anak dan generasi masa kini agar tidak terkeluar dari landasan syariat yang sebenar. Bukan sahaja panduan mendidik anak ketika kecil, malah ilmu pengetahuan mengenai pengurusan perkahwinan anak yang telah dewasa juga turut diselitkan.

Buku ini amat berguna untuk dijadikan panduan, bimbingan, rujukan dan amalan sepanjang hayat. Dalam buku ini disajikan kajian yang lengkap yang mencakupi pengetahuan dan pengalaman yang luas bermula dari fasa kehamilan sehingga pengurusan perkahwinan anak. Bagi mereka yang bergelar ibu bapa atau yang bakal bergelar ibu bapa, buku ini amat disyorkan sebagai panduan dalam memastikan anak mendapat pendidikan yang berkualiti.

Pengulas


Marsila binti Ahmad

Penolong Pengarah

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



SYAARI AB RAHMAN, DZUL KHAIRI MOHD NOOR

Menggali Khazanah Ilmu Munasabah. (Siri 1)

Bandar Baru Bangi, Selangor: Paradigma Ibrah Sdn. Bhd., 2020.

ISBN 9789671574829

ULASAN

Sesungguhnya al-Quran adalah tanda kasih Allah buat kita semua hambanya. Dengan sifat-Nya yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Allah mewahyukan kalam-Nya buat Kekasih-nya Rasullullah S.A.W., seraya menobatkan Baginda sebagai Pembawa Kerahmatan ke Sekalian Alam. Risalah Baginda, memperhubungkan kita semua dengan Allah atas hubungan ketauhidan, dan pada masa yang sama memberi pedoman kepada semua manusia untuk hidup atas sifat perikemanusiaan dan kasih sayang pada neraca yang diredai Allah S.W.T.

Apabila berinteraksi dengan Al-Quran, maka pasti akan terzahir pada pemikiran kita dua perkataan, iaitu "Tafsir dan Tadabbur". Ia pastinya bermula dengan pembacaan secara bertajwid, kemudian disusuli dengan usaha untuk memahaminya supaya dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Tafsir lebih kepada pengkajian terhadap makna yang tersurat untuk diambil kefahaman daripada inti pati kandungan al-Quran. Tadabbur pula sebagai refleksi yang terkesan di hati, rentetan daripada usaha dalam memahami kandungan al-Quran.

Ilmu Munasabah boleh difahami sebagai disiplin menekuni keterhubungan beberapa dimensi dalam al-Quran, yang terangkum dalam perkataan, ayat dan surah dalam al-Quran. Jika diamati dalam skop yang lebih meluas, sama seperti al-Quran itu sifatnya sentiasa terhubung antara perkataan, ayat dan surahnya. Maka al-Quran menjadi penyebab keterhubungan hamba dengan Tuhan-Nya, umat dengan Nabinya, orang awam seperti kita dengan para ulama. Ia juga menjadi penyebab keterhubungan kita pencinta al-Quran antara satu sama lain kepada seluruh alam. Semuanya menyatakan keesaan Allah yang Maha Agung dalam mentadbir semua makhluk-Nya.

Daripada sudut disiplin pangajian Tafsir, Ilmu Munasabah memperhubungkan hampir setiap topik dalam Ulum al-Quran sehingga tampak kefungsian topik-topik tersebut dalam mencungkil hikmah dan kesan al-Quran terhadap diri kita. Ia menggabungkan seni pentafsiran dan seni tadabbur yang membawa kelazatan al-Quran. Hampir semua yang mengkaji isi kandungan al-Quran, tidak dapat lari dari Ilmu Munasabah ini.

Maka buku ini adalah amat berharga dalam kita memahami Ilmu Munasabah sebagai usaha tadabbur kita terhadap ayat suci al-Quran. Pengarangnya menampilkan gaya santai dan bersahaja akan kandungan dan pengkajian ilmiah untuk santapan orang awam seperti kita semua. Kita pasti akan merasai peningkatan kadar kefahaman, keasyikan dan kelazatan dalam berinteraksi dengan al-Quran selepas membaca buku ini. Lebih baik lagi, jika buku ini dibaca dengan membuka Tafsir Pimpinan al-Rahman. Kita akan menghayati setiap topik yang dinyatakan mengikut contoh-contoh dalam Ilmu Munasabah. Kelak di mata kita melihat lembaran kertas yang disebut sebagai mashaf, namun pada mata hati terlihat keindahan cahaya kasih Allah menyinari rohani kita. Kesannya, kita akan memaknakan kalimah syahadah yang kita lafazkan dua kali dalam setiap solat yang kita dirikan.


Bagi mereka yang baru berjinak-jinak dengan pengajian al-Quran, buku ini juga adalah amat membantu. Hampir semua ulama yang berada dalam bidang al-Quran disinggung dalam buku ini, terutamanya dalam bahagian kedua. Hampir semua surah dalam al-Quran diberi sentuhan indah dalam menyatakan

keterhubungan antara topik-topik di dalamnya, termasuklah kisah-kisah para nabi dan umat terdahulu. Buku ini diulas secara santai, namun tiada satu pun isi pentingnya yang tertinggal. Semoga buku ini menjadi asbab bertambah kecintaan kita semua umat Nabi Muhammad S.A.W. terhadap al-Quran, hadiah agung buat umat akhir zaman.

Pengulas

Nur Aishah binti Che Raimi
Penolong Pengarah
Bahagian Sumber Elektronik
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MUHAMMAD MUSTAQIM MOHD ZARIF,
MOHD ANUAR MAMAT
Petua Menuntut Ilmu
Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia,
2020.
ISBN 9789679313550

ULASAN

Buku Petua Menuntut Ilmu merupakan hasil kajian dan suntingan sebuah manuskrip Melayu (MSS2906B) yang berjudul Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah iaitu Menyatakan Maksud Kitab Ṭalibah dengan bahasa Jawi. Penyediaan bahan manuskrip untuk kajian ini merupakan kerjasama penulis dengan Perpustakaan Negara Malaysia dan King Saud University, Arab Saudi. Kupasan isu-isu sejagat yang terkandung dalamnya mengenai prinsip, adab dan etika pendidikan menjadikannya bukan sahaja signifikan dalam konteks sosial penghasilannya, bahkan juga masih amat relevan dalam konteks dunia hari ini.

Buku ini mengandungi teks Tibyān al-Marām dan enam fasal yang secara khususnya membincangkan hakikat ilmu dan kelebihannya, ikhlas dan niat menuntut ilmu, memilih ilmu dan guru, memuliakan ilmu, bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu dan menghela rezeki dan memurahkannya. Penulis mengupas kepentingan ilmu dalam Islam dari aspek dimensi kerohanianya yang berkait rapat dengan adab dan pembentukan sahsiah berdasarkan akhlak Islam. Pemahaman tersebut diwarisi dan diamalkan dalam masyarakat Melayu di mana keilmuan sesorang itu diukur melalui kebijaksanaan bahkan merangkumi

kehalusan adab dan pekerti yang membezakannya daripada orang yang jahil. Penulis mengkaji penulisan karya-karya ilmuan Melayu silam menyatakan fokus utama adab yang perlu diamalkan guru dan murid bagi memastikan keberkatan ilmu yang diperoleh dan disebarkan.

Fasal pertama membincangkan konsep asas definisi dan hakikat ilmu dan fiqh serta kefahaman urutan keutamaan ilmu. Menerusi fasal ini, pembaca akan memahami jenis ilmu dan kelebihan orang yang mempelajarinya serta pegetahuan pengkelasan ilmu yang tidak wajar dipelajari. Murid hendaklah beramal dengan ilmu yang dipelajari pada tempatnya dan menyatakan kelebihannya.

Fasal kedua membicarakan adab ilmu yang berkaitan ikhlas dalam memperbetulkan niat dalam menuntut ilmu di mana meng-kasad-kan suatu keadaan disertakan dengan perbuatan dalam memperoleh keberkatan dalam ilmu. Kupasan penulis menggariskan beberapa adab kendiri seperti merendah diri dan kepentingan menjauhkan diri dari sifat takbur.

Teknik belajar merupakan intipati fasal ketiga yang membincangkan ikhtiyār; ertinya memilih iaitu tatacara memilih guru dan ilmu serta keutamaannya. Kepentingan kesabaran dalam menuntut ilmu dapat menjauhkan dari orang yang mempunyai ilmu Jidāl iaitu orang berdebat untuk menang dan bukannya kerana mencari kebenaran. Pemilihan kawan dalam menuntut ilmu penting dalam memelihara dari perkara syubhah yang mempunyai hati suci dari perangai keji. Fasal keempat mengupas tentang adab terhadap ilmu serta penerimaan ilmu atas jalan yang sempurna dan atas jalan mengambil manfaat dengannya. Adab terhadap guru dan adab ketika belajar dalam memelihara ilmu daripada segala perangai dan sifat dicelakan oleh Syarak. Kupasan mengenai adab menulis ilmu serta kepentingan menyoal ketika belajar turut dinyatakan.

Fasal kelima merupakan perbincangan yang menggabungkan pelbagai aspek mengenai adab dan teknik belajar seperti kepentingan keazaman, ketekunan dan kesungguhan dalam belajar. Mengulang kaji dan mendaras pelajaran merupakan

keutamaan dalam memanfaatkan ilmu sebaiknya. Perihal memelihara ilmu dalam menjaga kesihatan, menghindari sikap bertangguh dan kaedah menghilangkan malas. Turut dibincangkan tatacara memulai pelajaran dan kadar yang perlu dipelajari setiap hari dan kepentingan perbincangan, mengulangkaji dan menghafal. Petua dalam menuntut ilmu antaranya menjauhi hasad dengki dan bermusuhan, tawaduk dan warak dalam belajar, nasihat, doa dan teknik untuk mengingat ilmu dan mengelakkan lupa.

Fasal keenam mengandungi nasihat dan petua untuk memurahkan rezeki dan memanjangkan umur di samping perkara yang boleh menyekat rezeki dan memendekkan umur yang perlu dielakkan. Segala fasal matan kitab ini yang enam ia pada menyatakan barang yang menghela ia akan rezeki dan memurahkannya. Dan fasal ini disebutkan perkara yang menegahkan rezeki dan perkara yang memanjangkan umur.

Pengulas mengesyorkan pembaca untuk memahami petua menuntut ilmu kerana ianya bersifat komprehensif dan meluas skopnya, bahkan turut menampilkan penyesuaian dan pengadaptasian mengikut keperluan dan kesesuaian pembaca. Pemahaman penting sebagai wadah penyebaran ilmu, tetapi juga mencirikan budaya, identiti dan pemikiran masyarakat. Disertakan amalan dan doa untuk memurahkan rezeki dan memanjangkan umur untuk manfaat bersama.

Pengulas


Nur Amirah Anuar

Penolong Pustakawan

Bahagian Komunikasi Korporat

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Shahrul Zaman Lukman, Mohd Khamizi Aziz,

Kushairi Ismail

Mr. Mama

Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.,
2019.

ISBN **9789830977645**

ULASAN

Buku ini mengandungi tiga kisah lelaki berkerjaya yang akhirnya memilih untuk melindungi dan membantu keluarga mereka dengan cara yang tersendiri. Masing-masing mempunyai alasan dan situasi yang berbeza-beza, namun yang pasti ketiga-tiga mereka menyandang jawatan yang sama iaitu Mr. Mama. Dalam penulisan ini, penulis telah berkongsi mengenai sebab menyandang jawatan tersebut dan beberapa pengalaman menarik sebagai seorang Mr. Mama.

Dalam kisah Mr. Mama yang pertama, Ustaz Shahrul Zaman Lukman merupakan seorang editor yang mempunyai kerjaya yang stabil terpaksa mengambil keputusan untuk bekerja dari rumah sambil menjaga sepasang kembar bayi lelaki yang berusia tiga bulan dan seorang lagi anak lelaki yang berusia dua tahun. Beliau terpaksa membuat keputusan sedemikian atas faktor susah untuk mendapatkan pengasuh yang boleh menjaga kedua-dua bayi kembarnya. Beliau turut berkongsi pengalaman yang menarik di mana beliau banyak mempelajari resepi-resepi masakan yang baru bagi menambah menu makanan dalam keluarga. Selain itu, Ustaz Shahrul juga banyak menghabiskan

masa beliau untuk mengajar anak-anak mengaji di rumah. Jika sebelum ini beliau hanya beranggapan anak-anak beliau sudah mahir mengaji, tetapi apabila beliau mengajar anak-anaknya mengaji di rumah, barulah beliau sedar ada antara anaknya yang masih belum kenal huruf.

Berbeza pula kisah Mr. Mama yang digelar sebagai Mr. Mama Doktor. Dr. Mohd Khamizi Aziz mengambil keputusan drastik untuk menjadi seorang yang bergelar suri rumah atas sebab mengikut isteri iaitu seorang pakar bius berpindah ke Negeri Sarawak. Beliau berkongsi mengenai rutin harian yang dilakukan setelah bergelar seorang suri rumah. Banyak perkara yang telah beliau pelajari antaranya bijak menguruskan masa, berbincang sesuatu perkara untuk mencari jalan penyelesaian yang menyenangkan keluarga dan juga sikap bertolak ansur. Apabila beliau berada 'dalam kasut' seorang isteri, barulah beliau sedar 'me time' adalah penting sebagai masa untuk seseorang merehatkan minda dan fizikal dari sebarang bebanan. Mr. Mama Doktor juga banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang beliau sendiri belum pernah terlibat sebelum ini contohnya menjadi Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Bagi kisah Mr. Mama yang ketiga ini, beliau digelar Mr. Mama CEO. Beliau adalah Kushairi Ismail. Encik Kushairi Ismail yang dahulunya merupakan CEO sebuah institusi swasta telah mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan menjadi Mr. Mama. Antara faktor penyumbang kepada keputusan beliau adalah disebabkan keluarga yang tercinta. Semasa menjadi CEO, beliau hanya dapat meluangkan masa bersama keluarga di Negeri Sembilan pada hujung minggu sahaja. Beliau tersedar yang keluarga jauh lagi penting dan terus mengambil keputusan yang drastik itu. Saat beliau sudah bertukar status sebagai suri rumah, bermulalah berbagai-bagai cabaran dan pengalaman baru buat beliau. Antaranya menghantar anak ke sekolah, memasak, mengemas rumah dan juga menyidai pakaian.


Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada golongan dewasa terutamanya yang sudah berumah tangga. Ianya bukan untuk menggalakkan kaum adam berhenti bekerja tetapi untuk merasai berada seketika

di tempat sang isteri. Selain itu, buku ini juga memberi inspirasi kepada satu kelompok lelaki di luar sana yang masih terkapai-kapai mencari kerjaya dan akhirnya memilih untuk menjadi seorang suami yang gagal serba-serbi. Penulis juga banyak memberi kata-kata semangat dan tips yang berguna kepada si suami apabila menjawat jawatan suri rumah. Bahasa yang digunakan oleh penulis juga mudah difahami oleh semua pembaca. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan penting untuk dibaca kerana ia dapat membuka ruang pemikiran masyarakat kita tentang peranan dan pengorbanan seorang suri rumah yang sering kali dipandang remeh.

Pengulas

Nurul Athika binti Ahmad Amimar
Penolong Pengarah
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Azmi Abdul Manaf
Teknik Pantas Bebas Hutang
Selangor: PTS FAST Publish Sdn. Bhd., 2020.
ISBN 9789674014247

ULASAN

Buku hasil tulisan Azmi Abdul Manaf ini mengandungi sebelas bab yang dapat dibahagikan kepada empat bahagian secara khususnya membincangkan perihal hutang. Empat bahagian tersebut adalah Pengenalan, Membina Asas Perjuangan, Teknik Bebas Hutang dan Membina Kekuatan Jati Diri. Idea penulisan ini tercetus semasa penulis menganjurkan kursus “Teknik Pantas Bebas Hutang”. Buku ini ditulis dalam gaya bahasa yang mudah untuk difahami oleh pembaca. Penulis telah membincang dan menghurai permasalahan yang berkaitan hutang dengan mendedahkan pelbagai teknik bagi membebaskan diri dan keluarga daripada beban hutang ini.

Bahagian Pengenalan mengandungi tiga bab yang menerangkan tentang hutang. Dalam bab pertama, penulis membicarakan secara ringkas definisi hutang, hukum berhutang dan jenis-jenis hutang isi rumah. Bab ini juga menjelaskan sebab-sebab berhutang, kebaikan dan keburukan amalan berhutang.

Bab kedua pula menjelaskan hal-hal berkaitan wang, sumber wang, pendapatan, dan pekerjaan. Bab ini juga menjelaskan berkenaan *cashflow quadrant*, di mana penulis mengajak pembaca memahami sudut pandang bagaimana orang kaya menjana pendapatan dengan membeli dan menambah aset. Seterusnya penulis menerangkan kepentingan catatan bagi mereka yang mempunyai niat dan keazaman mendalam untuk menikmati hidup bebas merdeka tanpa hutang.

Penulis juga mengajak para pembaca mengenal pasti asas dan cabaran perjuangan bebas hutang dalam Bahagian Kedua iaitu Bahagian Membina Asas Perjuangan. Asasnya ada tiga iaitu pasang niat, bunuh nafsu amarah, dan elak spekulasi. Cabaran dalam perjuangan besar ini pula ada empat iaitu ilmu, kemahiran, sikap dan keupayaan. Langkah mencapai misi hidup bebas hutang perlu diteruskan setelah mengetahui asas dan cabarannya.

Banyak teknik yang dapat dilakukan bagi membantu kita membebaskan diri daripada jerat hutang, melalui teknik bebas hutang. Teknik bebas hutang ini dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap pencegahan, tahap pengawalan dan tahap pemberesan. Tahap-tahap ini telah diterangkan dalam tiga bab iaitu bab keenam, ketujuh dan kelapan.

Manakala di bahagian tahap pencegahan membincangkan teknik *No Debt* dan teknik CACAR. Bagi melakukan teknik-teknik pada tahap pencegahan, ia memerlukan seseorang mempunyai simpanan yang cukup. Teknik ini sesuai digunakan oleh seseorang yang mempunyai jumlah hutang yang kecil.

Penulis turut mendedahkan teknik potong, teknik tambah, dan teknik kawal yang digunakan bagi tahap pengawalan dalam bab ketujuh. Cara mengawal aliran wang keluar dan aliran wang masuk serta teknik tambah pendapatan bagi meningkatkan aliran tunai turut dibincangkan dengan jelas. Enam teknik potong yang sesuai untuk mereka yang mempunyai hutang kecil telah diterangkan. Teknik yang dibincangkan dalam tahap pengawalan ini agak mencabar kerana melibatkan jumlah hutang yang besar.

Bab kelapan yang bertajuk “Teknik Bebas Hutang: Tahap Pemberesan” menjelaskan tentang teknik yang sesuai dilakukan oleh mereka yang mempunyai hutang besar dan mempunyai harta atau aset yang dapat dijual. Tindakan diambil sama ada bagi membebaskan diri sepenuhnya daripada jerat hutang atau bagi mendapat aliran tunai positif.


Bahagian Terakhir iaitu Bahagian Membina Kekuatan Jati Diri merangkumi dua bab yang membincangkan tentang membina kekuatan dengan memahami hukum berhutang dan amalan bersedekah. Penulis mengingatkan tentang hukum, larangan dan unsur yang terdapat dalam hutang seperti yang dinyatakan dalam ajaran agama Islam. Bab kesepuluh pula menerangkan tentang sedekah dan penulis mengajak pembaca menjadikannya sebagai amalan harian. Penulis turut berkongsi kata-kata motivasi dan catatan kecil yang beliau kumpulkan di bab akhir buku ini.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca terutamanya kepada mereka yang sedang berusaha membebaskan diri daripada jerat hutang. Penerangan yang menarik dan ringkasan di akhir bab oleh penulis mampu menarik minat pembaca selain memberikan penjelasan yang mudah difahami oleh masyarakat awam. Kesimpulannya, buku ini sangat bermanfaat kepada pembaca dalam usaha mencari jalan keluar bagi membebaskan diri daripada hutang dan mendidik generasi muda mengenai tabiat menyimpan.

Pengulas

Nurul Suhaiza binti Nain@Abdul Salam
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



HARITH FAISAL

Hipster hartanah : tip dan motivasi santai beli rumah waktu muda-muda

Kuala Lumpur: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

2017.

ISBN 9789830976402

ULASAN

Buku bertajuk Hipster Hartanah :Tip dan Motivasi Santai Beli Rumah Waktu Muda-Muda hasil karya Harith Faisal, setebal 223 muka surat memberi fokus utama penulis adalah untuk golongan muda yang mempunyai hasrat dan cita-cita membeli rumah sebelum usia mencelah 30 tahun serta bagi mereka yang mencari hala tuju kewangan. Sasaran pembaca adalah pada sesiapa sahaja yang memerlukan tips dan ilmu pembelian rumah secara santai. Penulis banyak menggunakan bahasa yang santai dan mudah difahami. Sesuai dengan tajuk buku ini, diselitkan beberapa tip berkenaan pembelian rumah dan hartaanah dalam enam bab utama iaitu:

1. Saya dan rumah
2. Graduan baru dan rumah
3. 25 tahun dan rumah
4. Umum dan rumah
5. *Newbie* dan rumah
6. Wanita dan rumah

Antara tips yang menarik yang boleh dikongsi bersama adalah tips membeli rumah pertama iaitu:

- Wujudkan kesedaran
- Duit simpanan
- Buat ASB *Financing*
- Ilmu Hartanah dan Kewangan
- *Networking* dan Kumpulan Sokongan
- Cari kerja secepat mungkin
- Cari kerja berstatus tetap
- Jangan beli kereta mewah dahulu
- Beli rumah ikut kemampuan
- Jaga hubungan dengan Allah

Seterusnya, saya tertarik dengan idea untuk mendapatkan duit deposit membeli rumah yang boleh dipraktikkan iaitu dengan,

- Membuat tabung khas
- Pinjam dengan ahli keluarga
- KWSP Akaun 2
- Buat pembiayaan peribadi – tip ini dikatakan adalah cara yang paling ekstrim!

Satu petikan ayat yang mencuit ego golongan muda termasuk saya ialah apabila penulis menyatakan “Tak payah nak acah-acah HIPSTER sangat bab-bab makan mahal, jubah mahal gila, kereta import, motor berkuasa tinggi, tudung eksklusif dan gaya hidup metroseksual itu. Beli sahaja rumah banyak-banyak di awal usia, sudah tentu korang adalah HIPSTER dan RARE.”

Secara kesimpulannya, buku yang berkonsepkan motivasi khusus untuk anak muda membeli rumah pertama di awal usia ini adalah sesuatu yang sangat menarik untuk dibaca. Ukur baju di badan sendiri. Beli rumah bukan macam beli barang lain. Banyak risikonya. Pembelian rumah di awal usia bukan sesuatu yang

mustahil jika mengikut cara yang betul dengan mementingkan keperluan dari kemahuan. Baca 101 tip sekalipun tetapi tak mula, tak jadi juga.

Pengajaran yang boleh diambil dari pembacaan buku ini ialah glongan muda disaran untuk membeli rumah segera jika ada peluang. Jangan terlalu berharapkan dengan pembiayaan penuh untuk membeli rumah. Sebaliknya, buat tabungan awal untuk membantu dalam menyediakan sekurang-kurangnya 10 peratus deposit bagi pembelian rumah. Cuba luaskan pembacaan mengenai harta tanah dengan mengikuti sifu-sifu perunding kewangan di media sosial dan jika mampu hadir ke seminar harta tanah yang dijalankan untuk menambah ilmu berkaitan jual beli harta tanah dan juga kewangan. Namun begitu, frasa ukur baju dibadan sendiri perlu diterapkan dalam membeli rumah diawal usia dan sifat bersungguh untuk memiliki rumah harus dimiliki kerana membeli rumah bukan seperti membeli barang yang lain. Banyak risikonya.

Pengulas

Siti Nur Aishah binti Bohari

Penolong Pengarah

Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Ghazali Basri
Sejarah Bani Israel :
Sebuah kajian perbandingan menurut Perjanjian Lama dan al-Quran
Kajang, Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan, 2020.
ISBN 9789671465264

ULASAN

Buku ini mengandungi enam bab yang membincangkan sejarah bani Israel yang bermula dari keluarga Nabi Ya'qub dengan dua belas orang anak laki-laki dan mereka melahirkan zuriat dua belas puak bani Israel. Al-Qur'an menyebutnya sebagai al-asbāt (QS al-Baqarah [2]: 136, 140). Sebutan bani Israel dalam al-Qur'an adalah sebanyak 43 kali, hal sedemikian memperlihatkan beberapa keistimewaan kepada golongan ini. Paling utama ialah fungsi al-Qur'an memperbetul fakta, memperjelas naratif peristiwa di samping memperlihatkan keserasian apa yang terdapat dalam Perjanjian Lama.

Menyedari bahawa Perjanjian Lama pada asalnya bersumberkan Taurat Nabi Musa, justeru pada satu sisi daripadanya, didapati beberapa maklumat berfaedah, antara lain maklumat mengenai: nama anak-anak dan nama isteri para nabi, tentang usia mereka yang al-Qur'an tidak menyebutkannya. Namun, seperti yang diketahui umum, apapun penyimpangan yang terdapat dalam Perjanjian Lama, Islam tidaklah pula menghalang sesiapa juu untuk melakukan kajian banding seperti yang diusahakan oleh penulis buku ini.

Bab pengenalan, penulis menjelaskan sikap Islam terhadap umat Yahudi dan Kristian yang dikenali sebagai ahlu al-kitab serta kebersamaan dalam menyatakan kerasulan Nabi Ibrahim sebagai bapa faham monoteisme (tauhid) dalam kehidupan beragama umat Islam, Kristian dan Yahudi. Kedua-dua putera Nabi Ibrahim iaitu Ismail dan Ishaq adalah juga nabi, daripada zuriat Nabi Ismail lahirnya bangsa Arab dan Allah SWT melantik Muhammad sebagai nabi dan rasul penamat. Manakala daripada zuriat Nabi Ishaq dan anaknya Ya'qub melahirkan bani Israel dan daripada mereka ALLAH SWT menjadikan mereka seramai enam belas orang nabi dan rasul, antaranya Nabi Yusuf, Musa dan Isa.

Bab dua merupakan paparan teks Perjanjian Lama mengenai sejarah Nabi Ya'qub, Nabi Yusuf dan Nabi Musa yang dianggap sebagai arkitek sekaligus pemimpin kaum bani Israel. Daripada pemaparan teks ayat demi ayat membolehkan penulis membuat rumusan isi-isi penting yang bakal dibuat perbandingan dengan apa yang diceritakan oleh al-Quran seperti yang dikemukakan dalam bab tiga berikutnya. Sebagai sebuah kajian banding pendekatan yang sama digunakan dalam bab Tiga. Ayat-ayat al-Quran yang menceritakan kisah Nabi Ya'qub, Nabi Yusuf dan Nabi Musa dikenalpasti dan diturunkan satu per satu dan diikuti dengan rumusan penulis mengenainya.

Bab empat tajuk wacana merupakan induk perbahasan bagi menghuraikan makna tersurat dan tersirat yang dibayangkan oleh tajuk buku ini. Tumpuan perbahasan adalah antara lain mengenai kewajaran perbandingan Perjanjian Lama dan al-Quran. Keabsahan isi kandungan Perjanjian Lama sebagai sesuatu yang sah pada kaca mata Islam dan naratif mengenai fakta dan peristiwa yang terdapat dalam Perjanjian Lama dan al-Quran. Wacana tertumpu kepada perbahasan aspek-aspek persamaan, perbezaan dan bertentangan. Penulis tidak membiarkan isu perbezaan dan pertentangan tanpa memberi huraian maksud tersebut. Sehubungan itu, menurut penulis, al-Quran berfungsi sebagai *tabyin* (penjelas), *furwan* (pembeza antara benar dan palsu), dan *huda* (petunjuk ke jalan yang benar).


Bab lima menghuraikan perbincangan dengan tajuk : Bani Israel dan Yahudi menurut sumber Wahyu. Perkara yang termasuk dalam sumber wahyu adalah Hadith, dan athar para sahabat nabi. Dalam bab ini didapati penulis menyorot kembali kisah Nabi Ya'qub, Nabi Yusuf dan Nabi Musa. Banyak perkara yang dibincangkan dalam bab ini didapati pengulungan daripada apa yang dibincangkan dari bab-bab terdahulu. Maklumat tentang watak keyahudian menurut al-quran turut disenaraikan di samping maklumat am mengenai ibadat, pemakanan yang dibolehkan etika dan perayaan keagamaan umat yahudi turut dibincangkan dalam bab ini.

Selaku pengulas, saya mengesyorkan buku ini kepada penyelidik yang meminati disiplin ilmu perbandingan agama dan juga minat mengkaji Perjanjian Lama bagi mendapatkan fakta yang tepat mengenai sejarah Bani Israel.

Pengulas

Siti Zubaidah Ahmad
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



SURESH KUMAR N VELLYMALAY
**Warga emas : cabaran dan keperluan
sokongan sosial**

Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia,
2020.
ISBN 9789674613990

ULASAN

Kandungan buku yang terdiri daripada enam bab ini membincangkan tentang warga emas yang telah banyak berjasa kepada pengukuhan institusi keluarga. Penulis merungkai tanggungjawab yang perlu dipikul oleh institusi keluarga dan pelbagai pihak untuk menjamin kebajikan warga emas tidak terabai.

Warga emas yang ditakrifkan sebagai individu yang berumur 60 tahun dan ke atas merupakan golongan yang perlu diberikan perhatian bagi mencapai kesejahteraan sosial. Bilangan penduduk warga emas di Malaysia menunjukkan peningkatan yang mendadak selari dengan pembangunan dan kemajuan negara pada masa kini. Selain itu, peningkatan bilangan warga emas juga disebabkan oleh jangkaan hayat lebih panjang, penurunan kadar kematian kasar, peningkatan kadar kematian neonatal terutamanya bayi dan kanak-kanak serta kadar kelahiran kasar di Malaysia semakin menurun.

Bab kedua adalah mengenai beberapa perubahan yang berlaku dalam institusi keluarga yang memberi kesan kepada kedudukan warga emas. Perubahan bentuk keluarga luas kepada keluarga asas merupakan penyebab peranan warga emas semakin berkurangan. Antara faktor-faktor lain seperti

budaya kahwin lewat, peningkatan kadar perceraian yang tinggi, pengasingan tempat tinggal, perubahan peranan wanita dan bilangan anak yang kurang turut menyumbang kepada perubahan institusi keluarga pada masa kini.

Bab ketiga ini membincangkan cabaran yang dihadapi oleh warga emas dari segi fizikal, sosial dan psikologi. Warga emas perlu diberikan perhatian dan sokongan oleh anak mereka malahan tahap kesihatan mereka yang semakin merosot menyebabkan mereka memerlukan penjagaan yang rapi. Selain itu, pengurangan keupayaan fizikal dan masalah kesihatan membataskan pergerakan untuk melakukan aktiviti-aktiviti turut menyumbangkan kepada kesunyian warga emas. Tempat tingal yang tidak selesa serta berjauhan dengan anak-anak juga merupakan cabaran yang dihadapi oleh warga emas. Cabaran-cabaran lain yang dihadapi oleh warga emas adalah seperti ancaman keselamatan, ketakutan untuk hidup berseorangan dan masalah kewangan.

Isu penjagaan dan pengabaian warga emas dibincangkan di bab keempat. Golongan muda kurang kesedaran dan menganggap warga emas ini adalah beban hidup mereka. Malahan kesibukan bekerja, tekanan hidup, kekangan kewangan, kurang penghayatan ilmu agama dalam kalangan golongan muda antara penyebab warga emas sering diabaikan. Secara tidak langsung, warga emas ini hilang keyakinan untuk tinggal bersama anak-anak. Penulis juga menyatakan pengalaman buruk anak terhadap asuhan dan didikan yang diterima oleh mereka sejak kecil turut mempengaruhi kesedaran penjagaan dan pengabaian warga emas.

Bab kelima menceritakan tentang keperluan sokongan sosial dan instrumental. Sokongan emosi dari segi penjagaan diri, kasih sayang, penghormatan, komunikasi dan kerohanian amat diperlukan oleh warga emas. Mereka juga memerlukan sokongan instrumental yang merupakan kewangan, keperluan tempat tinggal, alat sokongan kesihatan seperti alat pendengaran, kerusi roda, kelengkapan rumah, makan minum serta keperluan lain.

Penulis turut membincangkan peranan beberapa pihak dalam mensejahterakan kehidupan warga emas pada masa akan datang. Ibu bapa berperanan sebagai model untuk membentuk acuan yang baik. Anak-anak sendiri memainkan peranan untuk menghargai jasa, pengorbanan dan menghormati ibu bapa dalam membesarkan mereka sejak kecil. Institusi keagamaan turut memainkan peranan penting dalam kesedaran penjagaan warga emas melalui penerapan nilai murni dalam ceramah dan aktiviti agama. Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan berperanan dalam mengadakan khidmat sosial dan berkongsi ilmu dan kepakaran penjagaan warga emas untuk dimanfaatkan oleh golongan muda. Sekolah dan institusi pengajian tinggi juga memainkan peranan sebagai insititusi pendidikan formal untuk menerapkan nilai positif dan kesedaran mengenai keperluan penjagaan warga emas. Peranan media massa yang berfungsi sebagai medium penyebaran maklumat, bantuan dan sokongan terhadap warga emas perlu dipertingkatkan lagi.

Kesimpulannya, warga emas amat memerlukan sokongan sosial dan instrumental daripada semua pihak. Segala jasa dan pengorbanan mereka perlu dihargai dan dihormati oleh golongan muda. Atas faktor masalah kesihatan dan kudrat fizikal yang semakin lemah menyebabkan warga emas memerlukan penjagaan yang rapi. Pelbagai pihak perlu memainkan peranan dan bertanggungjawab dalam memastikan golongan ini terus mendapat penjagaan dan sokongan sosial demi menjamin kebajikan dan kesejahteraan hidup mereka.


Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca terutamanya kepada golongan muda. Penulisan yang menarik dan kemas berserta gambar serta data-data yang terperinci memperkuuhkan penulisan buku ini. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan boleh dimanfaatkan oleh semua golongan demi kesejahteraan warga emas.

Pengulas

Syazwani binti Abdullah

Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



AZMI ARIFIN

Revolusi Perancis 1789-1799

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020.

ISBN 9789834925451

ULASAN

Buku ini membincangkan peristiwa sejarah revolusi besar di Eropah yang jarang-jarang disentuh atau dibincangkan apatah lagi secara mendalam oleh ahli sejarah tempatan. Penulis cuba meneliti dan memaparkan semula sejarah revolusi itu dengan melihatnya dari pelbagai sudut dan aliran secara seimbang, daripada Ortodoks-Marxis hingga Revisionis dan pasca-Revisionis. Di sebalik sanjungan terhadap revolusi itu, buku ini turut menjelaskan bahawa Revolusi 1789 sebenarnya gagal dan mewujudkan malapetaka kepada masyarakat Perancis yang mengorbankan rakyat yang tidak bersalah.

Revolusi Perancis yang tercetus di benua Eropah Barat pada hujung kurun ke-18 merupakan peristiwa yang amat penting dalam sejarah. Revolusi itu telah dikaitkan oleh para pengkaji dengan perkembangan sejarah manusia bukan sahaja di Eropah Barat, bahkan di seluruh dunia. Ahli sejarah Barat umumnya menganggap revolusi tersebut sebagai satu titik tolak agung kepada perubahan masyarakat dunia dari zaman tradisional kepada moden, dari zaman pemerintahan raja “berkuasa mutlak” dan kuku besi kepada liberalisme, persamaan dan demokrasi. Mereka menjelaskan kesan atau gelodak revolusi bukan sahaja terpaksa dihadapi oleh dunia Eropah,

bahkan turut dirasai oleh seluruh dunia yang menerima daripada hubungannya dengan Eropah. Negara-negara bukan Eropah misalnya dikatakan mencedok idealogi-idealogi politik moden seperti demokrasi, liberalisme, sosialisme dan komunisme kesan daripada revolusi-revolusi yang tercetus di Eropah. Dalam konteks ini, kepentingan Revolusi Perancis dan kesannya terhadap perubahan itu jelas terserlah melalui fokus dan perbincangan yang begitu banyak telah dihasilkan yang meliputi pelbagai aspek, tema dan isu.

Buku ini terbahagi kepada sepuluh bab. Dalam Bab pertama, iaitu bab pengenalan penulis memberi pendedahan awal Revolusi Perancis, Pendekatan Ortodoks-Marxis, Pendekatan Liberal, Pandangan Aliran Revisionis, Revolusi dari bawah dan juga Sejarah Revolusi dalam Perdebatan.

Manakala Bab kedua pula menceritakan Perancis sebelum Revolusi. Di dalam bab ini diceritakan Pemerintahan Beraja dan Istana, Pemerintahan Dinasti Bourbon, Kelompok Elit dan Atasan, “Pemborjuisan” Bangsawan dan “Pembangsawan” Borjuis, Kebangkitan Bangsawan dan “Reaksi Seigneurial”, Kelompok Bawahan: Daripada Borjuis hingga Petani dan Penindasan terhadap Petani.

Dalam Bab ketiga penceritaan tertumpu kepada Pemulaan Revolusi iaitu Krisis Bangsawan-Monarki. Antara topik yang dibincangkan dalam bab ini ialah Krisis Kewangan Perancis 1783-1788, Kerajaan Monarki dan Parlement, Charles de Calonne dan perhimpunan Bangsawan serta Kebangkitan Rakyat dan Tercetusnya Api Revolusi.

Bab keempat membincangkan Revolusi Pertama 1789: Daripada Reaksioner kepada Liberal. Perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah *Cahier de doleances* dan Pemilihan *Les etat-generaux* pada tahun 1789, Persetiaan di Gelanggang Tenis, Penyerbuan Penjara Bastille, Tekanan Ekonomi dan Kebangkitan Rakyat Bawahan, “Ketakutan Besar” dan Keputusan Malam 4 Ogos serta Revolusi Petani: Penentangan Terhadap Feudalisme.

Dalam Bab kelima, penulis memfokuskan kepada topik Perhimpunan dan Pembaharuan Semasa Revolusi 1789-1791. Perkara-perkara yang dibincangkan

dalam bab ini ialah Perhimpunan Kebangsaan dan Beberapa Langkah Pembaharuan, Perisytiharan Penghapusan Feudalisme 4-11 Ogos 1789, Deklarasi Hak Manusia dan Warganegara 1789, Pembentukan Perlembagaan 1791, Pembaharuan untuk Kepentingan Rakyat atau Borjuis dan Perhimpunan Perlembagaan dan Institusi Gereja.

Bab keenam pula, membincangkan topik Revolusi Kedua 1792: Daripada Liberalisme Kepada Radikalisme. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah Ancaman Revolusi Balas, Pelarian Ke Varennes, Perseteruan Kelab-kelab Politik dan Berpecahnya Arus Revolusi, Peranan *Sans-Culottes* dalam Arus Revolusi, Campur Tangan Negara Asing dan Ancaman Perang serta Manisfesto Brunswick dan Reaksi Ganas.

Konvensyen Kebangsaan, Kelahiran Republik dan Kejatuhan Girondin dibincangkan oleh penulis dalam Bab ketujuh. Topik-topik lain yang turut diceritakan dalam bab ini ialah Persaingan Girodin-Montagne, Pengadilan terhadap Raja Louis dan Perpecahan Politik, Pengkhianatan Dumouriez, Kebangkitan *La Vendee*, Kebangkitan Jacobin dan Kejatuhan Girodin serta Pemberontakan “Federalis”.

Seterusnya, Pemerintahan Jacobin, Zaman Ganas dan Reaksi Thermidor 1792-1795 diceritakan dalam Bab kelapan. Turut diceritakan oleh penulis ialah Kemelut dan Pertentangan antara Jacobin dengan Rakyat Bawahan, Kemunculan Pemerintahan Ganas dan Punca-puncanya, Jacobin dan Dasar-dasar Pemerintahan Ganas, Pertentangan Jacobin dan Hebertist dan Kejatuhan Robespierre.

Zaman Thermidor, Direktori dan Pengakhiran Sebuah Revolusi menjadi topik terakhir yang dibincangkan oleh penulis dalam Bab Sembilan. Penulis membincangkan topik-topik seperti Pemerintahan Thermidor: Antara Pembaharuan dengan Cabaran Politik, Kekacauan 1795 dan “Keganasan Putih”, Perlembagaan 1795, Direktori dan Kemunculan Napoleon Bonaparte serta Coup d’Etat Brumaire 1799 dan Berakhirnya Revolusi.

Penulis menegaskan bahawa tujuan utama buku ini diterbitkan adalah untuk memaparkan aspek utama yang memudahkan para pembaca memahami tentang

apa sebenarnya berlaku semasa era revolusi. Tumpuan kajian ini adalah untuk menjelaskan keadaan sebenar yang telah mendorong kepada pencetusan revolusi dan sejauh mana revolusi tersebut telah membawa perubahan besar kepada sifat masyarakat yang melaluinya ; terutama masyarakat Eropah umumnya dan Perancis khususnya.

Penulis turut menjelaskan bagaimana masyarakat Perancis daripada pelbagai kelompok telah bangkit pada tahun 1789 untuk memperbetulkan kelemahan sistem politik dan sosial sedia ada, dan sejauh mana hasrat perubahan itu benar-benar telah dapat dikecapi melalui peristiwa berdarah 1789-1799. Selain itu, buku ini turut fokus kepada bukan sahaja sebab musabab kesan revolusi tercetus tetapi juga unsur dinamik dalam sejarah yang mempengaruhi keputusan-keputusan politik besar dan pelencongan daripada arus yang sepatutnya dilalui oleh watak-watak sejarah.

Kesimpulannya, Penulis menyatakan bahawa Revolusi Perancis tidak membawa banyak perubahan terhadap amalan sosioekonomi mahupun politik serta pembentukan negara bangsa di Perancis, selain hanya memenuhi cita-cita dan kehendak golongan kaya daripada kalangan bangsawan dan borjuis. Malah revolusi itu masih gagal menghapus segala unsur perpecahan yang menjadi sebahagian sebab yang telah mendorong pencetusannya dan keruntuhan sistem pemerintahan monarki. Ini dapat dilihat bagaimana rakyat Perancis tetap bangkit mencetuskan beberapa revolusi lagi selepasnya. Contohnya Revolusi 1830 (Revolusi Julai) dan Revolusi 1848 (Revolusi Februari) yang menjelaskan bahawa Revolusi 1789 tidak memberi makna yang ketara terhadap perubahan nasib dan kesukaran hidup mereka. Oleh itu, tidaklah hairan jika ahli sejarah seperti Jack Hayward mengistilahkan Revolusi Perancis 1789-1799 sebagai “*the unfinished revolution*”, manakala Alexis de Tocqueville pula menganggapnya sebagai sebuah “drama tanpa kesudahan”.


Buku ini sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat. Penulisan buku ini dapat mendedahkan pembaca, khususnya peminat sejarah dan para pelajar tentang betapa pentingnya memahami peristiwa sejarah secara teliti dan objektif tanpa bergantung hanya pada sesuatu tafsiran tertentu. Penerbitan buku ini bukan sahaja dapat menyumbang kepada ilmu pengetahuan sejarah yang lebih luas dan

seimbang, tetapi dapat menjadi rujukan penting untuk pelajar dan peminat sejarah dalam memahami sejarah Revolusi Perancis yang ditulis secara ilmiah dalam Bahasa Melayu.

Pengulas

Zainura binti Ahmad
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



AHMAD YUMNI ABU BAKAR
**Biografi ulama Malaysia :
Tuan Hussain Kedah : penggiat sistem
pengajian pondok di Malaysia**

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.
ISBN 9789834610326

ULASAN

Buku ini menceritakan tentang peranan ulama terkenal iaitu Tuan Hussain Kedah dalam sistem pendidikan pengajian pondok di Kedah. Sistem pengajian pondok merupakan kaedah pendidikan tertua di Asia Tenggara. Ketekunan dan ketegasan Tuan Hussain dalam mengembangkan agama Islam menyebabkan beliau menjadi idola masyarakat setempat. Selain itu, hasil penulisan Tuan Hussain Kedah juga menjadi rujukan masyarakat sebagai panduan kehidupan seharian. Beliau turut mengetengahkan pelbagai pola dan teknik penulisan untuk memudahkan pemahaman rakyat jelata dalam menimba pengetahuan. Perkembangan sistem pengajian pondok juga telah mencetuskan dakwah Islam dan tradisi ilmu di Kedah yang mana turut diwarnai dengan kehadiran alim ulama dari pelbagai wilayah di alam Melayu termasuklah Aceh, Banjar serta Pattani.

Buku ini sesuai dijadikan bacaan umum dan rujukan untuk menanamkan kecintaan terhadap ilmu serta menyuntik motivasi terhadap generasi akan datang. Buku ini juga sesuai juga dijadikan rujukan kepada penyelidik dan para pelajar peringkat universiti. Buku ini ditulis oleh empat orang pensyarah Universiti iaitu daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Universiti Teknologi Mara

Kampus Kedah. Sumber dan kaedah penulisan adalah secara analisis, temubual dan lawatan.

Sumbangan besar dakwah Islamiah Tuan Hussain Kedah ialah dalam bidang pengajian sistem pondok dan pendidikan, selain penulisan yang memperlihatkan kelebihannya dari sudut penggunaan pelbagai teknik penyampaian dalam karya ilmiah. Tuan Hussain Kedah menghasilkan 19 buah kitab dalam pelbagai bidang seperti akidah, fiqh dan tasawuf. Tokoh ini memiliki sifat yang istimewa iaitu seorang yang tegas dan berani dalam mengeluarkan fatwa walaupun mendapat tentangan demi memperjuangkan kebenaran yang hak.

Buku ini juga membuat analisis terhadap tatacara penulisan hadis dalam kitab Tuan Hussain Kedah serta gambaran umum mengenai pandangannya dalam beberapa aspek berkaitan hadis. Beliau amat mengutamakan penggunaan hadis yang sahih dan berautoriti daripada sumbernya yang muktabar; dari segi aspek metodologi, Tuan Hussain Kedah menampilkan ciri-ciri pengajian hadis yang diwarisi daripada tradisi keilmuan Makkah ketika itu. Walaupun terdidik dalam metod ulama tradisional, sikapnya yang sering mengkritik sebarang amalan pandangan yang dilihat bercanggah dengan nas agama mendekatkan dengan metodologi ulama reformis atau Kaum Muda. Semua pandangan dan buah fikiran yang dilontarkan dalam karyanya terutama dalam menangani perubahan suasana pemikiran serta sosial masyarakat pada awal ke-20, amat berharga dan relevan untuk tatapan umat Islam pada masa kini.

Tuan Hussain Kedah melalui penubuhan institusi pondok yang tersusun berjaya ditadbir urus dengan baik, selain melaksanakan sistem pengajaran berkesan sehingga mendapat sambutan ramai daripada pelajar seluruh Nusantara.

Jasanya yang besar dalam bidang pendidikan Islamiah ialah dengan melahirkan ramai ilmuan Islam yang hebat. Ianya juga memberikan kesan positif melalui gerakan baharu sistem pendidikan di Kedah dan Pulau Pinang yang mana negeri ini terkenal kerana banyak sekolah pengajian pondok ditubuhkan. Beliau juga merupakan pengasas beberapa buah pondok di Kedah dan Pulau Pinang.

Namun agak mendukacitakan sehingga kini hanya dua pondok saja yang aktif dan dijadikan sekolah agama rakyat, iaitu Pondok Pokok Sena di Pulau Pinang dan Pondok Pak Ya Junid di Kedah. Adalah diharapkan agar warisan tokoh ulama ini akan terus dipelihara dan dijaga dengan baik agar masyarakat Islam di Kedah dan Pulau Pinang akan mendapat manfaat.

Buku ini dapat memberikan maklumat yang ideal dan positif bahawa sumbangan Tuan Hussain Kedah adalah dalam pelbagai bidang termasuklah pendidikan, ekonomi dan politik. Beliau juga mengajak masyarakat setempat untuk bersatu padu dalam bidang politik dan ekonomi agar dapat membina semangat ketamadunan Melayu Islam yang unggul pada masa hadapan.

Pengulas


Zuraida binti Mohd Aziz

Penolong Pengarah

Bahagian Pinjaman

Perpustakaan Negara Malaysia

SINOPSIS BUKU




HARRYANTO RIZAL
ROKMAN
Jangan sampai hati mati
Selangor: PTS Publishing
House Sendirian Berhad,
2020.
ISBN: 9789674815639

“Apabila bercakap soal hati, sudah pasti ia akan melibatkan rasa. Dari hati timbulnya rasa muah melakukannya sesuatu, tidak kira sama ada kebaikan ataupun keburukan. Kerana hati adalah sekutul daging yang menjadi piawaian kebaikan seseorang. Semuanya bermula dari hati”.

Begitulah beberapa ungkapan yang dapat dilihat berkenaan dengan buku yang cukup menarik ini. Tidak perlu diperkenalkan lagi, dengan barisan penulis dan editor yang cukup sinonim dalam dunia penulisan dan perbukuan ilmiah dan yang berkaitan dengan keagamaan, ianya cukup mudah, ringkas, padat dan mudah difahami. Terbagai kepada 12 bahagian, buku ini mengupas kehidupan sehari-hari seorang Muslim dan yang beragama Islam. Rahsia beramal, bersedekah, mencari keberkatan hidup adalah antara isu-isu yang menarik dikupas dengan teliti di dalam penulisan buku ini. Diselangi dengan nas-nas yang sahih, Hadis Nabi Muhammad S.A.W., ianya amat mudah untuk difahami dan perkara yang dibincangkan adalah ringkas, padat dan mudah untuk difahami.


SINOPSIS BUKU



JACK S. ADLI
Road to Japan
Rawang, Selangor: Sadli
bin Md Sawfi, 2020.
ISBN: 9789671557013

Road To Japan disusun oleh Jack S Adli atau dikenali sebagai 'Tok' di grup Facebook. *Road To Japan* yang kini memiliki hampir 100,000 ahli. Buku ini lengkap dengan pelbagai maklumat penting seperti kos, nama lokasi, itinerari, termasuk asas bahasa dan etika masyarakat Jepun bagi menjamin pengembalaan yang berbaloi. Amat mudah untuk memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis muda ini. Setiap bab diutarakan dengan susunan sub-topik yang teratur mengikut apa yang diperlukan oleh para pengembala. Kepulauan Kyushu dikelilingi oleh gunung berapi yang aktif di negara matahari terbit iaitu Jepun. Tidak hairanlah jika kawasan tersebut kaya dengan sumber asli air panas yang menghasilkan tanah yang subur. Landskap keindahan kawasan yang terbentuk daripada letusan gunung berapi menjadikannya tumpuan pelancong baik dari dalam dan luar negara. Malahan peninggalan sejarah yang dikekalkan juga menjadi salah satu tarikan untuk dilawati. Sememangnya berbaloi untuk membaca dan memiliki buku ini!.

SINOPSIS BUKU



Dari Youtube ke suatu fenomena : Sugupavithra Kitchen : masak dari hati
Selangor: Flexi Epiphany Resources, 2020.
ISBN: 9789671829509

Wabak Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 telah banyak merubah landskap kehidupan sehari-hari rakyat Malaysia. Ahli politik, kakitangan kerajaan mahupun swasta, pelajar dan semua lapisan masyarakat tidak terkecuali terlibat dengan pelbagai prosedur yang ditetapkan oleh pihak berwajib. Dengan mematuhi pelbagai perintah kawalan yang dilaksanakan, masyarakat perlu mematuhi setiap peraturan dan merubah gaya hidup dengan mematuhi norma-norma baharu yang dilaksanakan. Sugu dan Pavitra adalah nama-nama yang begitu asing di dalam dunia perbukuan sebelum ini. Dengan pandemik Covid-19 yang sedang merebak dan pelbagai perintah kawalan pergerakan dilaksanakan, dua nama ini melonjak naik di platform digital *You Tube* dengan alasan dan asbab yang cukup menarik – Masakan!

SINOPSIS BUKU



ABDULLAH YASIN
**Cara tepat menjawab
soalan kubur**
Kuala Lumpur: Al-Furqan
Enterprise, 2020.
ISBN: 9789833265282

Menurut keyakinan Ahlus Sunnah Wal Jamaah, setiap manusia yang telah wafat pasti didatangi oleh dua orang malaikat untuk ditanya beberapa soalan, antaranya apakah dia seorang mukmin atau kafir? Nasib seseorang di dalam kuburnya, apakah dia akan dapat nikmat dan hidayat apabila berada di dalam alam kubur, akan terjawab daripada amalannya. Jika penghuni kubur tersebut seorang mukmin, dia akan dapat menjawab dengan betul dan tepat. Buku ini membimbing para pembaca di luar sana mengetahui di manakah di dalam Al-Quran terdapat ayat-ayat yang berkait rapat dengan soalan yang bakal diajukan oleh dua malaikat tersebut.

SINOPSIS BUKU




Panduan lengkap : usahawan online

Kuala Selangor: Mommy Happy Group Sdn Bhd, 2020.
ISBN: 9789671682708

Buku yang amat menarik untuk dimiliki ini menyatakan tentang pentingnya penyusunan baik bisnes dengan menggunakan *Planner Usahawan* yang sangat sangat berguna untuk setiap usahawan *personal branding*. Pelbagai soalan yang berilmiah juga diutarakan seperti apakah business model canvas, apakah '*value propositon*' dan *USP business* serta bagaimana nak mengenali *target market*. Ianya juga menelurusi bagaimana untuk berlatih mengenali pelanggan, ilmu kajian produk, bagaimana nak buat ayat iklan, bagaimana nak mengiklan di *Facebook*, langkah penting semasa '*proses closing*', langkah demi langkah untuk *close sale*, '*tips follow up*', '*cara follow up*', '*jadual follow up*', bagaimana menghadapi saat bisnes jatuh, tips untuk kekal dalam bisnes dan tips menjadi pemimpin yang berjaya.


SINOPSIS BUKU



**Kepelbagaian dimensi isu
belia dan komuniti**
Batu Pahat, Johor: Penerbit
UTHM, 2020.
ISBN: 9789672916475

Komuniti dan belia adalah aset yang sangat penting dalam sesebuah negara. Kerajaan Malaysia semakin prihatin terhadap isu dan cabaran yang timbul dalam kalangan belia dan komuniti di negara ini bagi memastikan negara dapat melahirkan suatu komuniti dalam agenda pembangunan negara. Penyertaan dan penglibatan aktif komuniti dan belia dalam pelbagai isu merupakan amalan demokrasi dan sangat penting sebagai tindak balas terhadap usaha memenuhi, mengiktiraf keperluan dan hak asasi mereka dalam mempengaruhi, membentuk, mereka bentuk dan menyumbang kepada dasar dan pembangunan perkhidmatan serta program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Menyedari kepentingan tersebut, buku ini menghimpunkan sejumlah 14 artikel meliputi pelbagai isu berkaitan komuniti dalam usaha memperkaya ilmu, pengetahuan dan disiplin dalam bidang berkaitan belia dan komuniti di Malaysia.

SINOPSIS BUKU




Human resource management & psychology. series II

Batu Pahat, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2020.

ISBN: 9789672916239

A good organization will have a good human resource management. Even though profit is important in doing business, but do not forget the importance of staff as the human capital and the most essential asset an organization could have. This book, explains how the human resource management can be improved with the help of technology. However, technology advancement has caused IT to take over most of the human's role in life. The emergence of Artificial Intelligence especially is limiting the human efforts and diminish the human intercession to immaterial which lead to the removal of occupation and cause unemployment impact. This will give stress to the employee thus reduce their wellbeing. Through models and theories highlighted, this book will give a comprehensive view for reader to understand more on human resource management and psychology in the work place.

SINOPSIS BUKU



AZAINI MANAF
Mitos kosmologi nusantara :
sumber rujukan untuk
animasi dan seni visual
Kota Samarahan: UNIMAS
Publisher, 2020.
ISBN: 9789672298342

Mitos Kosmologi Nusantara merujuk kepada satu siri pengetahuan, tradisi dan pantang larang yang telah diturunkan melalui pelbagai generasi dalam bentuk lisan, tulisan dan simbolik dalam kalangan penduduk kepulauan Melayu Maritim Asia Tenggara. Dalam cerita ada pedoman, dalam pedoman ada teguran dan teguran ada sindiran. Konteks cerita pusaka Melayu adalah meluas serta merupakan cermin kepada corak interaksi serta komunikasi sosial pada masa lampau. Dewasa ini terbit beberapa kesedaran di dalam komuniti Nusantara untuk mengajak kembali masyarakat Melayu khasnya dan Malaysia amnya untuk menghargai kembali karya epik Melayu. Legenda epik seperti Merong Mahawangsa, Sulatus Salatin, Syair Siti Zubaidah dan Hikayat Raja Pasai membuktikan peradaban Melayu telah lama dihormati oleh dunia luar dan menjadi pusat kepada perdagangan antarabangsa. Kekurangan rujukan visual terhadap Hikayat Melayu Nusantara mendorong penulis menghasilkan buku ini bagi menjadi sumber rujukan bersama. Inisiatif ini diharap dapat memberi nafas baharu kepada dunia alam Melayu untuk mempopularkan kembali cerita Hikayat Melayu yang semakin dilupai.


SINOPSIS BUKU



ONN ABDULLAH
**Sebuah kumpulan puisi :
kembali membaca diri**
Ipoh, Perak: Persatuan
Karyawan Perak, 2020.
ISBN: 9789675877414

Antologi puisi *Kembali Membaca Diri* memuatkan puisi dari jenis tradisional termasuk sajak, syair, pantun, nazam, gurindam dan seloka yang dirangkumkan bersama sastera moden seperti Haiku, Sonian dan Tanka. Ia dinamakan sebuah kumpulan puisi kerana kandungan puisinya yang terdiri daripada pelbagai genre. Penulis menulis puisi daripada akal dan pemikirannya, kemudiannya dipertajamkan dan dimurnikan dengan penguasaan bahasa yang tinggi lalu terbentuklah sebuah puisi melalui penulisan. Puisi adalah benih kata-kata. Dari benih kata-kata itu akan tumbuh pohon bahasa indah yang subur rendang dengan dahan dan ranting serta cabangnya. Melaluinya keluar daun-daun hijau lebat dengan bunga-bunga cinta yang cantik. Bunga mekar yang berkembang harum di taman kehidupan. Bunga itu nanti akan berputik menjadi buah dan akarnya menjalar ke bumi. Setiap penyair mempunyai cermin hati yang benar dan indah. Dari cermin hati yang sentiasa jujur itu akan lahirlah sketsa-sketsa seni halus, lembut lagi mengasyikkan. Semuanya menjadi murni dan indah disebabkan oleh akal yang dianugerahkan Allah kepada manusia.

SINOPSIS BUKU




MEK WOK MAHMUD,
MAHMOOD ZUHDI HJ.
ABDUL MAJID &
RAUDLOTUL FIRDAUS
FATAH YASIN

**Chinese Muslims in Malaysia
: Islam, culture and identity**

Kuala Lumpur: Pustaka
Yamien Sdn Bhd, 2020.
ISBN: 9789672201397

Malaysia is a multiracial country whose predominant religion is Islam. Islam in Malaysia is not only embraced by Malay but other races like Indians and Chinese. Chinese Muslims are among these minorities and although their arrivals have been years in Malaysia, their presence, identity, culture and contribution have yet to be deliberately and recognized throughout Malaysia. This book attempts to highlight their presence in Malaysia with their cultures and identities. Written in eight chapters by different authors, the book is expected to present to the readers on the history of Chinese Muslims in Malaysia, following that, their impressive cultural identities and their contribution to the community and the nation.


SINOPSIS BUKU



TENGKU YUSUFF
**Ulama' alam Melayu. Jilid 3,
tokoh ulama' Perak Darul
Ridzuan**
Pendang, Kedah: Pustaka Alam
Melayu, 2020.
ISBN: 9789671808429

Buku biografi Ulama' Alam Melayu – Jilid 3, 100 tokoh Ulama' Negeri Perak merupakan kesinambungan dua buah jilid sebelumnya. Keperluan memperingati ulama' dan tokoh-tokoh agama adalah sangat perlu kerana jasa dan sumbangan bakti mereka kepada pembangunan agama, bangsa, individu, keluarga, masyarakat dan negara yang tidak ternilai harganya. Buku ini memperkenalkan 100 orang tokoh ulama' negeri Perak yang dihimpunkan maklumatnya dari pelbagai sumber sama ada secara bertulis maupun secara lisan. Antara tokoh ulama besar yang diperkenalkan adalah tidak asing bagi kebanyakan pelajar-pelajar Alam Melayu amnya, dan di Malaysia khususnya. Beliau sangat terkenal dengan kamus Arab-Melayunya, iaitu Qamus al-Marbawi. Beliau ialah Sheikh Muhammad Idris Abdur Rauf al-Marbawi, seorang ulama yang berketurunan dari Kampung Merbau, Perak. Dilahirkan pada tahun 1893 di Mekah, dan tarikh kembalinya beliau ke rahmatullah juga telah banyak ditulis orang pada 10 Oktober 1989, dimakamkan di Kampung Lubuk Merbau, Perak pada usia 96 tahun.


SINOPSIS BUKU



AHMAD DUSUKI ABD. RANI
Saat dipanggil menghadap
Shah Alam, Selangor: An Nabawi Group Ventures, 2020.
ISBN: 9789671712320

Peringatan demi peringatan perlu sentiasa dihadirkan dalam kehidupan kita. Peringatan yang diperlukan untuk melakukan persiapan dan persediaan dalam mengharungi liku-liku kehidupan sebelum dijemput ilahi. Walau begitu, berapa ramai dalam kalangan kita yang kehidupannya dicorakkan dalam menuntut keperluan dunia yang penuh tipu daya. Janji yang dilemparkan oleh iblis untuk menyesatkan sehingga saat nyawa di tenggorokan manusia tidak seharusnya dilupakan. Janji tipu daya yang dibisikkan secara halus di telinga berisi racun dan azab di akhirat kelak. Lalu senjata ampuh manakah lebih bernilai untuk dicari dan dijaga oleh manusia? Itulah nilai iman yang perlu dicari, digilap dan sentiasa dijaga. Hidayah Allah S.W.T. hanya diberikan kepada hamba-Nya yang terpilih, maka jagalah ia selari dengan syariat. Iman digilap dengan sentiasa melihat, mendengar dan menghayati syariat-Nya menerusi al-Quran al-Karim, hadith Kekasih-nya dan juga peringatan-peringatan dari para asatizah. Iman perlu dijaga kerana tipu daya iblis yang berjanji akan menyesatkan manusia sehingga saat nyawa di tenggorokan. Oleh yang demikian penulis menasihati seluruh kaum muslimin untuk sama-sama meluangkan masa menghadiri majlis-majlis pengajian, menelaah kitab-kitab dan bahan bacaan yang boleh meningkatkan ketakwaan kepada Allah S.W.T.

SINOPSIS BUKU




SANDY TAN
Pemidato versatil : siri 28 ucapan™

Petaling Jaya, Selangor: Kelab Pidato Perdana, 2019.
ISBN: 9789671209592

Kelab Pidato Perdana (KPP) adalah sebuah Pertubuhan yang diwujudkan untuk tujuan memperkasa pengucapan awam bahasa Melayu. Matlamat KPP ialah membantu rakyat Malaysia dan warga nusantara untuk mempertingkat kemahiran menyampaikan ucapan dalam bahasa Melayu. Kelab Pidato Perdana kini mempunyai 20 cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Singapura. Siri 28 Ucapan™ merupakan kompilasi jenis-jenis ucapan yang unik kepada Kelab Pidato Perdana. Secara lebih terperinci, 28 jenis ucapan ini terbahagi kepada 4 kumpulan iaitu ucapan untuk memberitahu, ucapan untuk menghiburkan, ucapan untuk memujuk dan ucapan untuk mengilhamkan. Dengan menguasai ucapan-ucapan dalam siri ini, para pembaca boleh menjadi seorang pemidato yang versatil atau serba boleh.


SINOPSIS BUKU



Listrik hati : mendidik rohani, minda dan luhur budi
Kuantan, Pahang: Suara UMP,
2020.
ISBN: 9789672226611

Listrik Hati ini merupakan himpunan pengalaman guru-guru dan pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Pengalaman yang pelbagai bersama para penuntut ini amatlah rugi jika tidak didokumentasikan. Usaha menghasil 53 cerita yang sangat menarik dan bermanfaat bukan sahaja untuk bacaan pengajar tetapi juga untuk ibu bapa dan pelajar. Hati yang hidup ialah hati yang dapat membezakan yang baik dan buruk. Hati yang hidup sentiasa besangka baik dan mudah dididik. Namun mendidik hati untuk sentiasa hidup bukanlah mudah. Antara tugas pendidik bukan sahaja untuk mengajar ilmu bahkan untuk menghidupkan hati anak didik mereka. Hati pelajar yang tenang semestinya dapat membantu mereka menghadapi cabaran dalam dunia akademik. Menelusuri semua cerita ini, perasaan bercampur baur sedih, gembira dan ada juga yang membanggakan. Pelajar-pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang, kadang-kadang menjadi cabaran buat pengajarnya. Bukan sekadar bekongsi pengalaman yang sebenar, tetapi penulis-penulis juga berkongsi cara bagaimana menangani isu dengan pelajar. Cerita-cerita yang digunakan tidak menggunakan nama sebenar pelajar melainkan yang sudah diizinkan.

SINOPSIS BUKU



KHUAITON ZAKARIA
Perbualan Bahasa Melayu
Kota Bharu, Kelantan: Penerbit
UMK, 2020.

ISBN: 9789672912033

Buku Perbualan Bahasa Melayu diterbitkan sebagai bahan bacaan tambahan kepada pelajar antarabangsa yang mengambil kursus Bahasa Melayu Komunikasi di universiti tempatan. Buku ini juga ditulis sebagai panduan dan rujukan para pelajar antarabangsa untuk memahami asas-asas bahasa Melayu bagi membolehkan mereka bertutur dengan sopan dan seterusnya dapat menguasai bahasa Melayu semasa belajar dan tinggal di Malaysia. Buku ini mengandungi 43 topik perbualan di tempat-tempat tertentu sekitar pergaulan sehari-hari pelajar antarabangsa semasa tinggal di Malaysia. Tajuk perbualan dipilih berdasarkan situasi persekitaran dan aktiviti yang biasanya pelajar antarabangsa alami semasa bergaul serta berkomunikasi dengan rakan serta masyarakat tempatan dalam bahasa Melayu. Bahasa yang digunakan dalam buku ini adalah mudah, senang difahami dan disertakan makna kosa kata dalam bahasa Inggeris bagi setiap tajuk perbualan. Tajuk perbualan bermula dengan perbualan mengenai nombor, perbualan memperkenalkan diri sehingga perbualan mengenai persekitaran, budaya dan permainan tradisional masyarakat Melayu di Malaysia.

SINOPSIS BUKU



AB. RAZAK CHE
HUSSIN, MUHAMMAD
ZUHDI MOHD. ZIN &
SITI ZUBAIDAH MOHD.
ZAIN


**Kisah kejayaan bisnes
online : rahsia jualan
online RM1 juta dalam
tempoh 1 tahun**

Pasir Mas, Kelantan:
D'anna Infotech
Solutions Sdn. Bhd.,
2020.

ISBN: 9789671774120

Buku ini mengisahkan sebuah syarikat bisnes *online* yang berjaya mencapai jualan RM1 juta dengan menjual 20,000 unit set jersi yang berharga RM50 seunit dalam masa setahun. Perkongsian ini berkisar tentang bagaimana memulakan bisnes, pemasaran percuma dan berbayar, keputusan berhenti kerja, menghadapi jualan turun naik, langkah penyesuaian dengan kemajuan bisnes dan *tips* untuk berjaya. Buku ini adalah hasil daripada kolaborasi perkongsian pengalaman dan ilmu berkaitan bisnes *online* dari pelbagai perspektif. Dr. Abdul Razak merupakan pencetus idea, merangka kandungan dan seterusnya merealisasikan projek buku ini. Muhammad Zuhdi pula banyak pengalaman dalam bisnes *online*. Beliau bertanggung jawab memastikan data, maklumat dan penceritaan adalah betul serta tepat. Siti Zubaidah pula seorang *freelancer* khususnya *content writer* yang aktif di media sosial. Dengan penerbitan buku ini diharapkan para pembaca mendapat input berguna kearah memajukan bisnes yang telah dan bakal diusahakan. Buku ini amat berguna dibaca oleh peniaga *online*, professional, golongan remaja, belia dan sesiapa sahaja yang ingin mengetahui tentang sebahagian daripada teknik menjalankan bisnes *online* yang praktikal.


SINOPSIS BUKU



KHAIRUL ANUAR
BASRI AL-HAFIZ
**Buat duit dengan
ConsuMerchant**
Gombak, Selangor: KAB
Media, 2019.
ISBN: 9789671734636

Buku ini adalah buku yang memaparkan tentang revolusi ConsuMerchant sebuah konsep perniagaan yang terkini. ConsuMerchant adalah merupakan cap dagangan milik penuh Public Gold Marketing Sdn. Bhd. yang didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Ini adalah tajuk hangat yang dibincangkan oleh dunia pemasaran pada hari ini. Konsep ConsuMerchant ini menggunakan medium media sosial yang percuma untuk digunakan oleh semua orang untuk bermula. Konsep ini menggunakan platform e-perniagaan nombor satu di Malaysia iaitu PG Mall. PG Mall ini akan menjana pendapatan melalui yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada semua penjual berdaftar di PG Mall. Yuran yang dikenakan adalah amat berpatutan dan akan digunakan balik untuk menghargai setiap pelanggan atau pembeli yang setia menggunakan platform jual beli atas talian PG Mall.

SINOPSIS BUKU



MUHAMAD ADHA@ KU ALAM


Sejarah dan martabat tengkolok dalam etika pemakaian busana kebudayaan institusi keistanaan Melayu Perak

Selangor: Muhamad Adha bin Abd Jalil, 2018.

ISBN: 9789671645604

Buku bertajuk ‘*Sejarah dan martabat tengkolok dalam etika pemakaian busana kebudayaan institusi keistanaan Melayu Perak*’ dapat merangsang minat ingin tahu kepada pembaca. Ia mengajak kita berfikir bagi memahami perkara yang seharusnya menjadi ilmu warisan zaman berzaman dan dapat dijadikan sumber rujukan serta panduan yang berharga kepada masyarakat, khususnya yang berkaitan dengan khazanah warisan kebudayaan Negeri Perak. Buku ini juga memberikan sumbangan bagi memartabatkan semula nilai-nilai Melayu tradisi yang menjunjung, memelihara serta mempertahankan keluhuran adat dana dab yang semakin luput disebabkan peredaran zaman. Penulis juga mengharapkan dengan adanya buku ini, kita dapat menghargai sejarah dan mengenali betapa pentingnya identiti bangsa dalam sesebuah negara yang berdaulat serta didokong oleh sistem pemerintahan beraja yang berwibawa berpaksikan undang-undang berpelembagaan di bumi Malaysia ini.

SINOPSIS BUKU



KHAIRUNNISA HAMZAH
Dekor dekor cinta
Petaling Jaya, Selangor:
Galeri Ilmu Sdn. Bhd.,
2020.
ISBN: 9789830978925

Buku ini merupakan buku yang merangkumi cara-cara menghias rumah dan menguruskan rumah menjadi lebih cantik dan teratur. Penulis buku ini ialah seorang perunding rekaan dalaman khas untuk kediaman. Buku ini sangat sesuai untuk dimiliki oleh semua orang terutamanya suri rumah dan ibu-ibu yang bekerjaya bagi memastikan rumah yang diduduki dalam keadaan kemas, selesa dan teratur mengikut kesesuaian rumah. Ilustrasi buku ini sangat menarik dan mudah difahami. Kandungan yang dipaparkan sangat santai bila dibaca. Contoh-contoh gambar yang dimasukkan juga sangat menarik dan memberikan inspirasi kepada pembaca untuk menghias rumah menjadi lebih cantik dan selesa. Konsep yang diketengahkan lebih kepada konsep minimalis dan moden. Konsep ini sangat diminati dan menjadi trend pada masa sekarang kerana ia murah dan mudah untuk dikendalikan. Buku ini sangat bagus kepada kita dan memberikan inspirasi dalam ilmu menghias rumah.


SINOPSIS BUKU



MOHD YAHYA MOHAMED
ARIFFIN & KALSOM ALI
**Strategi pikat majikan
komunikasi pekerjaan**
Kuala Lumpur: Penerbit UM,
2020.
ISBN: 9789674881443

Buku ini mengandungi maklumat tentang teknik dan strategi komunikasi untuk Berjaya dalam dunia pekerjaan. Ia boleh dimanfaatkan oleh generasi muda yang merupakan modal insan yang paling ramai memasuki pasaran pekerjaan di negara ini setiap tahun. Strategi pikat majikan amat sesuai dijadikan panduan dan satu kemestian kepada bakal-bakal pencari kerja lepasan sekolah menengah hingga ke graduan universiti. Kaunselor, guru dan pegawai hal ehwal pelajar di institusi pengajian tinggi serta sekolah harus menjadikan buku ini sebagai panduan dalam membantu pelajar yang inginkan bimbingan persediaan diri dalam mencari pekerjaan.

SINOPSIS BUKU



ROZANIZAM ZAKARIA
Psikologi si kecil: 50 pesan psikologi untuk ibu bapa
Kuala Lumpur: Whitecoat Group Sdn. Bhd., 2021.
ISBN: 9789671852347

Perkongsian dalam buku ini adalah bertujuan mendidik masyarakat tentang psikologi kanak-kanak dan remaja bagi membentuk kemahiran keibubapaan. Ia bukan bertujuan menggantikan penilaian professional. Setiap anak yang lahir tidak datang dengan manual dan butang reset sekiranya kita tersilap. Namun ini tidak bermaksud anda perlu redah perjalanan mendidik anak dalam kegelapan. Meneroka buku ini boleh menjadi langkah pertama bagi ibu bapa untuk memahami psikologi si kecil anda. Ia adalah penunjuk jalan agar kita tahu di mana sempadan dan kemana haluan. Buku ini bukan untuk ibu bapa yang hendak menjadi sempurna, tetapi untuk mereka yang mahu belajar menjadi ibu bapa yang lebih baik pada setiap hari dan masa yang bersisa. Semua kisah yang dikongsi oleh penulis adalah olahan dari kisah benar dari pengalaman penulis di klinik psikatari kanak-kanak dan remaja.

SINOPSIS BUKU



PAHROL MOHAMAD JUOI
Rehatkan hati dengan solat
Seri Kembangan, Selangor:
Iman Publication Sdn Bhd,
2021.
ISBN: 9789672459033

Melalui buku ini, Ustaz Pahrol membawa pembaca ke alam solat yang mampu merehatkan hati yang semakin gusar dengan dunia. Hakikatnya jarak di antara hati dengan ketenangan yang diinginkannya ialah sebuah solat yang tulus penuh makna. Kehidupan di dunia yang penuh dengan dugaan dan ujian saban hari rutin harian yang dilalui menemukan kita dengan masalah dan cabaran yang membuatkan hati kita berasa letih dan penat. Kita mencari kerehatan dan solusi dengan pelbagai cara yang halal dan tidak halal. Maka manusia pun mencari kerehatan dengan hiburan, makan-makan, jalan-jalan, bahkan juga solat. Tetapi rehatnya hati itu hanya untuk sementara. Selang beberapa waktu hati mulai meronta semula menjadi lesu dengan pelbagai masalah yang merasuk jiwa. Melalui buku ini solat seharusnya menjadi kerehatan bukan dirasakan seperti beban. Takbir, rukuk, sujud dan salam bukan hanya tinggal gerakan dan ucapan kosong tanpa kesan dan impak pada kehidupan. Ketenangan yang dicari masih belum dirasakan. Ayuh rehatkan hati dengan solat.

SINOPSIS BUKU



PAHROL MOHAMAD JUOI
Merawat cinta dalam rumah tangga
Seri Kembangan, Selangor:
Iman Publication Sdn Bhd.,
2019.
ISBN: 9789832423775

Ada pasangan yang rimas kerana isteri atau suaminya terlalu mengongkong. Semuanya diawasi dan dicurigai. Kawalan ini sangat merimaskan kerana secara tidak sedar kita seolah menjadi tahanan dan tawanan kepada pasangan yang kita sayangi dan cintai. Sikap prihatin memang baik tetapi kalau berlebihan akan menjadi barah dalam kerukunan rumah tangga. Akan ada ketika kita terasa seperti tidak mengenali pasangan kita. Dia menjadi orang lain seakan-akan kita belum pernah mengenalinya walaupun telah berumah tangga sekian lama. Apabila usia perkahwinan semakin bertambah dirasakan tiada lagi kemanisan, kehangatan dan keharmonian seperti yang pernah dilalui sebelum itu. Segala-galanya semakin suram dan muram. Melalui karya ustaz Pahrol Mohamad Juoi membawa kita meniti makna dan definisi cinta yang sebenar seterusnya memberi nasihat bagaimana untuk merawat cinta dalam rumah tangga. Semoga akan terpancar keharmonian rumah tangga selepas membawa buah tangan ustaz Pahrol Mohamad Juoi.

SINOPSIS BUKU




MUHAMMAD AL-GHAZALI
Hiduplah untuk hari ini
Seri Kembangan, Selangor:
Iman Publication Sdn. Bhd.,
2021.

ISBN: 9789672459026

Kesedihan, kerisauan, kekecewaan dan kegelisahan merupakan perasaan yang selalu dilalui oleh manusia biasa. Mungkin ada di antara kita yang dibelenggu kesilapan lalu sehingga menyalahkan diri sendiri, ataupun resah memikirkan hari esok yang belum pasti. Hakikatnya, kita tidak boleh mengelak daripada melalui episod kegelisahan dalam hidup kita. Masa lalu tidak boleh diubah, masa hadapan pula tidak boleh diramal. Namun, kita masih memiliki hari ini untuk ditempuhi dengan lebih baik dan meraih ketenangan dalam hidup kita. Melalui buku ini, Muhammad Al-Ghazali menawarkan solusi bagi mendepani masalah yang sering mengganggu kehidupan kita mengikut panduan al-Quran dan hadis. Antaranya termasuklah memperbetulkan salah faham kita tentang konsep sabar, takdir dan tawakal dalam Islam; bagaimana berhadapan dengan kritikan dan fitnah manusia; dan juga cara menguruskan emosi dengan lebih baik. Hiduplah Untuk Hari Ini bukan sekadar laungan slogan kehidupan, tetapi suatu seruan berasas dan praktikal - menjadikan buku ini relevan untuk semua.

SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD SA'ID RAMADAN
BUTI
**Solusi Islam buat para
pemuda**
Kuala Lumpur: Nizamiyah
Publications & Distributors,
2020.
ISBN: 9789671600153

Buku ini asalnya ialah buku karya asy-Shahid Dr Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti yang berjudul *a-Islam wa Mushkilah al-Shahab*. Isu remaja dan anak muda masa kini merupakan antara isu utama yang perlu diberi perhatian dalam negara dan juga umat Islam secara amnya. Fasa remaja dan belia merupakan fasa yang kritikal dan penting dalam pembangunan insan. Di fasa ini jugalah para remaja dan belia mengalami konflik dan masalah dalaman yang memerlukan panduan dan jalan betul serta benar dalam mengatasinya. Namun begitu, ramai antara mereka yang tersalah panduan serta tidak pasti jalan yang patut diikuti. Dalam karya ini penulis cuba memberikan panduan dan solusi kepada remaja dalam menjalani kehidupan mereka sebagai anak muda dan remaja sehingga mereka benar-benar mengerti jalan mana yang patut diikuti berdasarkan panduan Rabbani mengikut acuan Islam sebenar. Semoga wasiat dan pesanan asy-Shahid Dr Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti kepada para remaja dan anak muda ini dapat menuntun kita sepanjang melalui perjalanan rohani masing-masing demi kemaslahatan dunia dan akhirat.


SINOPSIS BUKU



DATO' DR. RUSHDAN NOOR
Kanser : fakta dan mitos
panduan lengkap pencegahan,
pengesanan dan rawatan
Batu Caves, Selangor: PTS Fast
Publish Services Sdn. Bhd,
2019.
ISBN: 9789674014155

Buku ini harus dimiliki oleh semua rakyat Malaysia daripada golongan rakyat biasa, pelajar, penuntut universiti, pensyarah, petugas perubatan dan semua pesakit kanser. Ia membicarakan mengenai semua aspek penyakit kanser daripada punca, gejala, kaedah mengesan, kaedah mengesahkan kanser, prinsip rawatan kanser, kaedah-kaedah rawatan terbaik dan juga bagaimana pesakit kanser menjalani kehidupan semasa rawatan. Proses-proses yang perlu dilalui oleh pesakit kanser diterangkan secara terperinci sehingga mereka tidak memerlukan rujukan lain. Buku ini juga memberi panduan bagaimana mencegah kanser dengan berkesan. Pembaca akan diberikan maklumat yang tepat mengenai mitos-mitos yang sering diperkatakan oleh masyarakat tentang kanser. Penulis memberikan penerangan tentang peranan rawatan alternatif kepada pesakit kanser dan bagaimana pesakit kanser boleh mempunyai kualiti hidup yang baik walaupun kanser sudah tidak dapat diubati.


SINOPSIS BUKU



HANUM HASSAN
Raja dan rakyat berpisah tiada
Kuala Lumpur: Arena Press Corporation Sdn. Bhd., 2020.
ISBN: 9789834926403

Institusi raja berperanan sebagai penyemak dan pengimbang dalam pemerintahan demokrasi bagi memastikan kemakmuran dan kestabilan negara tanpa mengira sempadan bangsa. Raja dan rakyat diibaratkan seperti “pohon dan akar” yang tidak boleh dipisahkan sama sekali; “pohon” memayungi rakyat dengan cara memimpin, melindungi dan menjaga kebijakan dalam apa-apa jua keadaan sekalipun, manakala “akar” ialah tunjang yang mengukuhkan institusi raja. Walaupun begitu, perubahan dunia dalam era globalisasi turut mengheret institusi raja mengharungi pelbagai pengalaman dan cabaran yang semakin kompleks dan mencabar. Buku *Raja dan Rakyat Berpisah Tiada* mengetengahkan isu-isu yang berkait rapat dengan peranan institusi raja di Malaysia. Isu-isu yang dikupas dalam buku ini menjelaskan peranan institusi raja amat signifikan dengan kesejahteraan rakyat yang hidup berbilang kaum serta menganuti pelbagai agama. Di samping itu raja ialah lambang keselamatan, kemakmuran, keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan negara.


SINOPSIS BUKU



DALELEER KAUR RANDAWAR
**The law on domestic violence
in Malaysia**
Kuala Lumpur: IIUM Press,
2019.
ISBN: 9789674184834

The Law on Domestic in Malaysia discusses on domestic violence related to Muslims and non-Muslims in Malaysia which is generally based on the Domestic Violence Act 1994 and several other supplementary statutes. With the changes in the law in this era, it is important that the book reflects the latest amendments and developments, whether they be statutory or case law. This book clearly explains the legal principles governing Domestic Violence in providing protection towards the victims. References is also made to other related legislation pertaining to domestic violence which impact on the functioning of family law. The analysis and the discussion provided by the authors will assist readers to grasp the basic as well as the more intricate aspects of domestic violence. Comparison with certain selected jurisdiction is made to provide an insight and suggest necessary reforms to suit the modernization of communities and the changing society. The book intends to provide invaluable resources for scholars, students, researches and practitioners regarding the law on domestic violence in Malaysia and some selected jurisdictions.


SINOPSIS BUKU



DR. ABDUL RAHMAN
ABDULLAH
**Membongkar sejarah
pemerintahan Islam di Alam
Melayu**
Petaling Jaya, Selangor: Hijaz
Records, 2020.
ISBN: 9789672278023

Tradisi penulisan sejarah (histografi) Alam Melayu sejak lama berkembang sebagai warisan agung dalam bentuk sastera sejarah, yang sedikit sebanyak diresapi unsur-unsur mitos dan lagenda. Tanpa menafikan karya-karya tardisional, terdapat kelemahan-kelemahan tertentu lantaran kecenderungan kepada tradisi pra-Islam di dalamnya. Kemudian melalui peranan tokoh-tokoh sarjana Melayu seperti Prof. Hamka di Indonesia dan Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas di Malaysia, timbul kesedaran ke arah reformasi penulisan sejarah Islam di Alam Melayu, dengan menekankan peranan Islam yang selama ini dipinggirkan atau diabaikan. Sejak itu kajian dan penulisan sejarah Islam di Alam Melayu berkembang dan bersemarak. Dengan memanfaatkan karya-karya tradisional dan moden, buku Sejarah Pemerintahan Islam di Alam Melayu, membongkar sejarah kebangkitan sehingga kejatuhan menjelang kedatangan penjajah Barat. Tinjauan sejarah di sini bersifat menyeluruh dan meliputi segenap negeri di Alam Melayu. Perbahasan yang terperinci tentang sesuatu aspek tertentu digarap dengan seadanya.

SINOPSIS BUKU



MASZLEE MALIK
Asas tadbir urus Islam : foundations of Islamic governance
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2019.
ISBN: 9789674608033

Pengungkapan aksiom, prinsip dan nilai asas dalam menunjang bidang tadbir urus diteroka dan dianalisis dalam buku ini, dalam usaha merumuskan pembentukan “Tadbir Urus Islam” dengan mengambil kira aspek kepercayaan, budaya dan konteks. Menerusi pendekatan diskursif analitikal secara eksklusif dalam buku ini, pembaca akan mendapatkan bahawa Islam diyakini mampu menghasilkan insan *homo-Islamicus* yang beriman dan berihsan yang dapat menyumbang secara kolektif ke arah pembangunan masyarakat melalui model tadbir urus. Usaha ini merupakan satu lagi ijihad berteraskan pandangan hidup bertauhid dengan ontologi eksplisitnya menerusi epistemologi deskriptif terarah yang mementingkan pembangunan insan mapan sebagai prasyarat utama yang menentukan kejayaan pembangunan sesebuah negara. Buku ini disarankan sebagai bacaan umum masyarakat sebagai pedoman bagi membentuk dan memantapkan ciri kepimpinan pada semua peringkat dan menjadi rujukan para pelajar, lebih-lebih lagi kalangan pentadbir serta penjawat awam dan swasta.